

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN
NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN



KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

NO. SEBUT HARGA : JPS/MJG/KTB/08/2021
TAJUK : KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN KOLAM TAKUNGAN BANJIR SERTA KERJA BERKAITANNYA DI VICTORIA COTTAGE, MUKIM SITIAWAN, DAERAH MANJUNG, PERAK

2. Kontraktor-kontraktor yang ingin menyertai Sebut Harga ini hendaklah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam Gred G1, Kategori CE dan Pengkhususan CE21 atau CE36, dan dengan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)/ Kontraktor juga mestilah dari kalangan kontraktor tempatan (iaitu bagi daerah/negeri Manjung) sahaja.

3. Segala maklumat dan dokumen Sebut Harga boleh didapati semasa waktu pejabat di Unit Kewangan, Pejabat Jurutera Daerah, JPS Daerah Manjung, Perak mulai dari 23.02.2021 - 02.03.2021 Waktu membeli dokumen Sebut harga adalah seperti berikut :

Isnin - Khamis 8:30 pagi - 11:30 tengahari
Jumaat 8:30 pagi - 11:00 tengahari

4. Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada kontraktor yang membawa Sijil Pendaftaran ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Kontraktor Kerja Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Pusat Khidmat Kontraktor (PKK).
5. Kontraktor yang ingin memasuki Sebut Harga diatas adalah dikehendaki mengeluarkan secara Wang Tunai berharga RM 20.00 (Ringgit Malaysia : Dua Puluh Sahaja) sebagai bayaran dokumen Sebut Harga.
6. Lawatan Tapak/Taklimat Sebut Harga TIDAK DIWAJIBKAN berdasarkan keadaan semasa bagi mengelakkan perhimpunan Di Bawah Akta Pencegahan Dan Pengawasan Penyakit Berjangkit 1988 Dan Akta Polis 1967. Walaubagaimanapun, pihak kontraktor boleh melakukan lawatan secara bersendirian tanpa pengawasan pegawai di lokasi berikut :

➤ Nama Tempat : Kolam Takungan Victoria Cottage
➤ Koordinate (Latitude) : 4.218684
➤ Koordinate (Longitude) : 100.706600

Hanya penama syarikat di dalam Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) atau wakil yang mempunyai surat yang mewakilkan kuasa sahaja boleh menghadiri Membeli Borang Sebut Harga dengan mematuhi langkah-langkah seperti berikut :

- I. Pemeriksaan suhu badan melalui *held thermometer* hanya suhu badan yang normal sahaja dibenarkan membeli borang sebutharga)
- II. Penjarakan sosial 1 meter
- III. Penggunaan topeng muka (*Face Mask*)
- IV. Penggunaan *Hand Sanitizer*


7. Sebut Harga ini akan ditutup pada 02.03.2021 (Selasa). Dokumen Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di Pejabat Jurutera Daerah, JPS Daerah Manjung, Sitiawan, Perak tidak lewat dari jam 12:00 tengah hari pada hari tersebut.

(MOHAMMAD ROZDHI BIN ABDULLAH)

Jurutera Daerah,
Jabatan Pengairan dan Saliran,
Daerah Manjung, Perak.

- sk: i) Pengarah, JPS Negeri Perak
ii) Pusat Khidmat Kontraktor (Cawangan Negeri Perak)
iii) Persatuan Pemborong Bumiputera Daerah Manjung

Google Maps 4°13'07.3"N 100°42'23.8"E



Imagery ©2021 Maxar Technologies, CNES / Airbus, Imagery ©2021 CNES / Airbus, Maxar Technologies, Map data ©2021 Google 100 m